

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil.
 2. Murid akan diberikan kertas sebak dan menyiapkan tugas di dalam bentuk kertas sebak.
 3. Murid perlu menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain.
 4. Murid daripada kumpulan lain akan membuat lawatan dan menulis komen tentang hasil kerja kumpulan tersebut pada *sticky note* dan menampal pada hasil kerja kumpulan berkenaan.
 5. Nyatakan tindakan toleransi berdasarkan situasi di bawah mengikut kumpulan

Situasi 1 :

Semasa sambutan Tahun Baharu Cina, persembahan tarian singa diadakan di sebuah beli-belah yang dikunjungi pelbagai kaum. Ada pengunjung yang berasa kurang selesa dengan bunyi gong yang kuat.

Situasi 2 :

Di sebuah taman perumahan yang dihuni pelbagai kaum, terdapat rungutan daripada beberapa orang penduduk bukan Islam mengenai bunyi azan yang kuat pada waktu subuh.

Situasi 3 :

Sekumpulan belia menganjurkan aktiviti keagamaan secara terbuka di taman awam, namun sebahagian penduduk tidak bersetuju kerana risau akan mengganggu orang lain.

Situasi 4 :

Di sebuah bandar, terdapat perarakan keagamaan yang menggunakan jalan utama, manakala penduduk tempatan risau akan mengganggu aktiviti harian mereka seperti pergi bekerja dan ke sekolah.

Situasi 5 :

Pada majlis sambutan rumah terbuka Deepavali, seorang tetamu daripada kaum lain secara terbuka menyuarakan ketidakpuasan terhadap hidangan tradisional yang disajikan.

- :
6. Hasilkan satu risalah tentang kepentingan amalan toleransi dan kesan pengabaian amalan toleransi demi perpaduan negara berdasarkan situasi berikut mengikut kreativiti kumpulan masing-masing.
 7. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.